

04/02/2000

Pantai Holdings mahu pelaburan datangkan hasil

BERIKUTAN suasana ekonomi negara yang semakin pulih, Pantai Holdings Bhd merancang merealisasikan sepenuhnya pelaburannya dalam Tongkah Holdings Bhd dan Avenue Assets Bhd, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

Pelaburan dalam kedua-dua syarikat itu dibuat sebelum krisis ekonomi menerusi anak syarikat milik penuhnya, Pantai Investments (Cayman) Ltd.

Anak syarikat Pantai Investments (Cayman) Ltd, Maxgold Investments Group Ltd memperolehi 26.8 juta saham RM1 setiap satu dalam pasaran terbuka mewakili anggaran 16.78 peratus pegangan Tongkah bagi pertimbangan tunai RM108.8 juta.

Pantai Investment juga memperolehi 32.3 juta saham RM1 setiap satu dalam pasaran terbuka dan 10 juta saham berdasarkan pada jual beli dari broker yang sama, mewakili anggaran 28.15 peratus daripada Avenue Assets, yang sebelum ini dikenali sebagai Phileoland Bhd, pada harga yang dipertimbangkan sebanyak RM222.1 juta.

"Langkah kami seterusnya adalah untuk merealisasikan sepenuhnya pelaburan dalam kedua-dua syarikat tersebut (Tongkah dan Avenue Assets)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung luar biasa, di Kuala Lumpur, semalam.

Kedua-dua Tongkah dan Avenue Assets terbabit dalam pelbagai kegiatan daripada pembuatan, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan penjagaan kesihatan hinggalah kepada pembangunan hartanah.

(END)